

6,600 rumah tentera antara lima

BH 28 MAK 2001

KUALA LUMPUR, Selasa – Lima projek dikenal pasti untuk dilaksanakan segera termasuk melalui peruntukan RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang diluluskan dalam Belanjawan 2001.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, projek itu ialah pembinaan 6,600 unit rumah kuarters untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di ibu negara bernilai RM1.5 bilion dengan RM400 juta daripadanya dibelanjakan tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, projek lain ialah pem-

binaan empat universiti, iaitu di Perlis, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan, bernilai RM1.6 bilion.

“Yang lain ialah pelaksanaan 200 sekolah satu sesi mengikut fasa kedua bernilai RM2 bilion, 193 kolej komuniti di semua kawasan Parlimen yang mana 11 daripadanya dilaksanakan segera, bernilai RM0.9 bilion.

“Satu lagi ialah peruntukan RM600 juta bagi subsidi penanaman semula kelapa sawit serta bantuan khas kepada pekebun kecil getah,” katanya dalam sidang akhbar di sini,

hari ini.

Katanya, langkah pembinaan segera projek terbabit adalah antara kaedah bagi menggerakkan rangsangan fiskal kerajaan dalam usaha memapankan momentum pertumbuhan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan mengendalikannya pelaksanaan projek prasarana dan kemudahan utama seperti projek empangan hidroelektrik Bakun dan membantu pelaksanaan projek Janakuasa Pulau Bunting, Kedah yang menggunakan arang batu serta projek Pelabuhan Tanjung Pe-

pas, Johor dan Pelabuhan Barat, Klang.

“Bagi menjamin rangsangan fiskal ini memberi impak segera ke atas ekonomi, kita akan mengawasi pelaksanaan projek baru ini dan yang sudah diluluskan, dengan lebih dekat,” katanya.

Dalam hubungan ini, katanya, kementerian dan agensi berkaitan akan meningkatkan usaha bagi menjamin tahap pelaksanaan semua projek ini dengan lebih pantas.

Beliau berkata, bagi membantu mempercepatkan pelaksanaan projek itu,

projek akan disegera

kementerian kewangan sudah mengkaji semula prosedur pemerolehan kerajaan dengan menurunkan kuasanya kepada beberapa kementerian lain, antaranya:

- Jawatankuasa Tender Kementerian Kewangan boleh meluluskan tender bernilai sehingga RM30 juta dan sehingga RM50 juta untuk pihak-pihak berkanun terpilih dan syarikat milik kerajaan;

- Untuk tender terhadap kementerian boleh meluluskan kontrak bernilai tidak lebih RM20 juta dan bagi pemerolehan berda-

sarkan sebutan harga sehingga RM200,000 dan

- Enam kementerian dipilih boleh meluluskan pemerolehan peralatan modal sehingga RM15 juta.

Menjawab soalan, beliau berkata, jika ekonomi Amerika Syarikat semakin teruk, kerajaan bersedia untuk mengambil langkah seterusnya termasuk melanjutkan pelaksanaan projek tertentu yang sudah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Katanya, jabatan dan agensi kerajaan dengan itu diminta untuk menyedia-

kan pakej projek yang boleh dilaksanakan segera, jika rangsangan tambahan diperlukan.

Bagi membantu langkah yang diambil oleh kerajaan, Dr Mahathir meminta sektor swasta untuk memberi tindak balas positif bagi menjamin kejayaan pakej dasar yang diumumkan itu.

Katanya, sektor swasta harus lebih agresif untuk memperluaskan produktiviti, mengurangkan kos dan memperbaiki mutu produk serta perkhidmatan supaya kekal berdaya saing.